

HISTORIOGRAFI LISAN MOHD ASRAF HJ ABDUL WAHAB

(ORAL HISTORIOGRAPHY OF MOHD ASRAF HJ ABDUL WAHAB)

KASRAN, M. H. M.¹ – HARUN, R.¹ – KASRAN, M. H. I. M.^{2*}

¹ *Jabatan Persuratan Melayu, IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, Malaysia.*

² *Unit Monumen, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: arkibmhi[at]gmail.com*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Penyelidikan melalui sejarah lisan merupakan salah satu medium yang digunakan dalam pengumpulan rekod-rekod sejarah selain daripada sumber primer, sekunder dan tertier. Penulisan ini mengisahkan biografi Tokoh Pejuang Bahasa Sepanjang Hayat yang juga mesra disapa dengan nama Pak Asraf (1927-1999) atau nama penanya iaitu Sasterawijaya dari sudut penulisan sejarah. Anak kelahiran Kampung Assam Jawa, Kuala Selangor ini merupakan seorang pejuang bahasa dalam memperkasa, membina dan mengembangkan kegemilangan karier bahasa Melayu khususnya dari aspek tatabahasa sejak tahun 1950-an hingga tahun 1970-an. Wacana ini dikaji menggunakan metod persejaraan yang berpandukan kepada sumber primer, sekunder, tertier dan lisan. Limitasi penulisan sejarah berkaitan dengan tokoh ini menyebabkan penulis berinisiatif untuk melakukan kajian penyelidikan secara terperinci melibatkan latar belakang hidup, pergerakan-pergerakan dalam pertubuhan perjuangan bahasa dan sumbangan beliau terutama dalam bidang penulisan buku. Selain itu, makalah ini juga dilihat sebagai sinergi kesedaran lokal untuk mengangkat figura ini sebagai salah seorang individu berpengaruh bagi daerah Kuala Selangor.

Katakunci: *sejarah lisan, historiografi, Pak Asraf, perjuangan bahasa, Kuala Selangor*

Abstract. Research through oral history is one of the mediums used in the collection of historical records, in addition to primary, secondary, and tertiary sources. This writing presents the biography of a lifelong language activist, affectionately known as Pak Asraf (1927–1999), or by his pen name, Sasterawijaya, from the perspective of historical writing. Born in Kampung Assam Jawa, Kuala Selangor, he was a language advocate who played an important role in strengthening, developing, and advancing the prestige of the Malay language, particularly in the field of grammar, from the 1950s to the 1970s. This discourse is examined using a historical method based on primary, secondary, tertiary, and oral sources. The limitations in historical writings related to this figure have prompted the author to undertake a detailed research study involving his life background, involvement in language advocacy organisations, and contributions, especially in the field of book writing. In addition, this article is also seen as a form of local awareness synergy aimed at recognising this figure as one of the influential individuals from the district of Kuala Selangor.

Keywords: *oral history, historiography, Pak Asraf, language advocacy, Kuala Selangor*

Pengenalan

Kajian berkaitan ketokohan bukan sahaja sahaja masih kurang dijalankan, tetapi juga tidak mempunyai banyak dokumentasi seperti di Barat, sekali gus memerlukan alternatif lain seperti sumber lisan untuk mendokumentasikannya. Permasalahan ini semakin jelas diperlihatkan sekiranya telusuran dilakukan terhadap pendokumentasian ketokohan sasterawan yang sehingga kini kurang diteliti oleh saintis sosial dan kemanusiaan di Malaysia. Perkara ini diburukkan lagi apabila penulisan sedia ada lebih memfokuskan kepada ketokohan sasterawan negara dan kurang mendokumentasikan peranan tokoh

lainnya yang juga mempunyai sumbangan besar bersifat kebangsaan. Justeru, usaha mendokumentasikan ketokohan sasterawan dan budayawan lainnya perlu segera digerakkan kerana “dokumen akan kekal, tetapi memori akan hilang bersama pendukungnya”. Menyedari hakikat tersebut, maka sumbangan yang diketengahkan oleh Asraf Ab. Wahab sebagai “pembangun anak bangsa” mendesak untuk diperbanyakkan kerana ketersediaan sumber mengenainya adalah sangat terhad. Dalam konteks ini, pengkisahan Asraf hanya ditulis oleh individu terdekat yang mengenalinya dan agensi yang bertanggungjawab dalam kepakaran beliau. Namun, penulisan di pelbagai wahana ini lebih banyak mengisahkan berkenaan pola pemikiran dan pengetahuan ilmu bahasanya semata-mata. Justeru, artikel ini merupakan sinergi untuk mengkaji sejarah hidupnya melalui pelbagai maklumat lisan yang disalurkan oleh ahli keluarganya dan dibanding silang dengan sumber dokumen yang ditekankan oleh falsafah Rankean.

Instrumen dan Metod Kajian

Metodologi kajian berteraskan kajian kepustakaan dan audio temu bual yang diperoleh melalui bahan Arkib (Sel. Sec. 581/1949 dan CO. 537/2151), kertas kerja penyelidikan tokoh (Kertas Kerja Bilangan 19 KBPMM III/1956 bertajuk ‘Bunyi Bahasa Melayu dalam Ucapan’ dan Kertas Kerja Bilangan 20 KBPMM III/1959 bertajuk ‘Ejaan Bahasa Melayu dengan Huruf Rumi’) bahan bacaan ilmiah seperti buku selenggaraan tokoh (Mekar dan Segar) dan surat khabar (Berita Harian, *The Straits Times* dan *Indian Daily Mail*). Pada masa sama, penghasilan artikel ini turut menggunakan metod sejarah lisan dengan menemubual Rukmini Hayati Abdul Wahab (adik perempuan), Muntahar Abdul Wahab dan Mohd Rizali Abdul Wahab (adik-adik lelaki) serta Dr. Ratnawati Asraf (anak perempuan sulung) tokoh yang kajian.

Latar belakang Mohd Asraf Abdul Wahab

Kampung Baru merupakan salah satu kawasan yang terletak di Kampung Assam Jawa. Kawasan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kampung Baru yang terletak di sepanjang jalan Teluk Piah Kanan dan sebahagian lagi digelar Kampung Baru Luar. Kawasan ini bermula dari simpang empat yang menghubungkan Jalan Persekutuan (Kuala Selangor-Kepong, dikenali sebagai Laluan 54) ke Sungai Buloh dan Kuala Lumpur sehingga ke simpang Teluk Piah Kiri yang menghubungkan ke Kuala Selangor. Bandar yang berhampiran dengan kawasan ini adalah Bukit Rotan dan mempunyai nombor poskod 45700. Pentadbiran Kampung Assam Jawa ini diletakkan di bawah pentadbiran Mukim Api-api dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Kawasan ini seluas 3,287.59 ekar dan penduduknya seramai 31,000 orang meliputi Melayu, India dan Cina (BPPTDKS, 2016). Berdasarkan kepada sejarah, kampung Assam Jawa dipercayai dibuka pada tahun 1900 dan namanya diambil daripada pokok Asam Jawa yang banyak tumbuh di kampung tersebut. Dalam konteks penamaan kampung ini, Asraf pernah memberitahu Rizali bahawa ejaan ‘Assam’ sepatutnya dieja ‘Asam’. Di kampung inilah Asraf dilahirkan dan membesar manakala tinggalan rumah beliau masih boleh dilihat sehingga kini meskipun sudah roboh.

Biografi tokoh

Mohd Asraf bin Haji Abdul Wahab dilahirkan pada 11 Jun 1927 dan merupakan anak sulung daripada 10 orang adik beradik kepada pasangan berketurunan Jawa yang berasal dari daerah Pacitan atau daerah Ponorogo di kawasan Jawa Timur. Bapanya bernama Toiman bin Ronosengojo dan nama ibunya adalah Naimah binti Haji Sirat Ratnawati. Seiring dengan budaya Jawa, maka selepas mengerjakan ibadah haji, bapanya telah menukar nama menjadi Haji Abdul Wahab bin Ronosengojo. Meskipun diberikan nama Asraf, namun beliau juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti Mat Sarat dan Masraf (berkemungkinan nama panggilan dalam masyarakat Jawa). Sepanjang hidupnya, Asraf telah menjadikan “bahan-bahan” sebagai hobinya dan menghabiskan banyak masa untuk membaca dan mendalami ilmu bidang bahasa Melayu. Selain itu, beliau juga diketahui boleh bermain alat muzik jenis lelidah iaitu akordion. Menurutnya lagi, semasa Asraf bekerja di Singapura, beliau telah menjadi trendsetter kepada keluarganya dengan membelikan alat muzik akordion dan mengajarkan ibunya untuk bermain alat muzik tersebut. Ketertarikan Asraf kepada muzik juga diperjelaskan oleh Ratnawati dengan menyatakan Asraf memiliki kecenderungan untuk mendengar lagu-lagu klasik susunan komposer Eropah seperti Wolfgang Amadeus Mozart dan juga meminati alunan irama tradisional Melayu seperti keroncong (*Rajah 1*).



Rajah 1. Asraf lengkap bertali leher (enam dari kanan) bergambar bersama-sama ahli keluarganya termasuk responden iaitu Rizali dan Muntahar (dua dan tiga daripada kiri) serta Rukmini Hayati (bersebelahan Asraf).

Asraf telah berkahwin bersama pilihan hatinya iaitu Fatimah Murad yang juga merupakan seorang wartawan dari Singapura (Jeem, 2001; The Straits Times, 1985). Daripada perkahwinan ini, mereka telah dikurniakan empat orang anak iaitu Ratnawati, Elita, Jayawirawan dan Puspayanti. Sebagai seorang figura bahasa, Asraf mempunyai keperibadian yang bertutur lembut, merendah diri dan mudah bergaul selain mudah tersenyum. Beliau juga dilihat mudah bergaul dengan orang kampung dan selalu menghadiri jemputan perkahwinan (kondangan) serta majlis keraian lainnya. Kefasihan beliau dalam bahasa Inggeris dan kemahiran dalam bahasa Melayu membuatkan dirinya mempunyai ramai kenalan bukan Melayu dan warganegara asing. Beliau pernah mengajak rakan-rakannya daripada luar negara untuk menziarah di kediaman ibu bapanya serta menyajikan mereka dengan menu masakan Melayu, makan menggunakan tangan dan duduk bersila di atas lantai (*Rajah 2*).



Rajah 2. Asraf bergambar kenang-kenangan bersama isterinya iaitu Fatimah Murad yang juga salah seorang wartawan wanita yang berkhidmat di Utusan Melayu, Singapura.

Latar pendidikan Mohd Asraf Abdul Wahab

Asraf tidak pernah mendapat pendidikan formal di peringkat tinggi dalam bidang bahasa dan hanya mempunyai pendidikan rendah dan menengah sahaja. Dalam hal ini, beliau telah bersekolah di Sekolah Melayu Assam Jawa untuk pendidikan rendah sebelum berhijrah ke Sekolah Tinggi Klang untuk peringkat menengah. Beliau kemudiannya telah menuntut di Sekolah Inggeris Batu Road, Kuala Lumpur pada tahun 1941 sebelum memilih melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Inggeris Victoria Institution (VI) pasca pendudukan Jepun. Mardiana (1991) menjelaskan bahawa Asraf tidak menghabiskan pelajarannya di VI sehingga tamat: “...a school dropout and self-taught Malay linguistic expert...At 64, Asraf, a dropout from Victoria Institution in Kuala Lumpur...”. Antara faktor Asraf tidak mengambil ujian Sijil *School Certificate* (Setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia) adalah disebabkan kekangan ekonomi ketika itu dan beliau aktif dalam pergerakan politik. Walaupun tidak memiliki pendidikan formal di peringkat tinggi, namun Asraf sebenarnya mempunyai banyak pengalaman berkaitan bahasa Melayu dan fasih bertutur serta mahir dalam bahasa Inggeris. Pada masa sama, Asraf juga boleh bercakap dalam dialek Jawa dan menggunakan pertuturan ini semasa berkomunikasi di rumah (*Rajah 3, Rajah 4 dan Rajah 5*).



Rajah 3. Asraf bersekolah di Sekolah Melayu Assam Jawa (1934-1937) di mana binaan bangunannya dibuat secara berangka, berdindingkan kayu serta beratap nipah. Bangunan sekolah ini dibina pada tahun 1924.



Rajah 4. Asraf (dalam bulatan merah) kemudian melanjutkan pelajarannya di Sekolah Tinggi Klang di antara tahun 1938 hingga tahun 1940.



Rajah 5. Asraf (dalam bulatan merah) bersama-sama rakan seperjuangannya di VI (1946-1948).

Sepanjang hidupnya, Asraf merupakan seorang ahli yang aktif dalam perjuangan politik. Dalam konteks ini, Asraf merupakan ahli kepada Parti Kebangsaan Melayu Muda (PKMM) dan Angkatan Pemuda Insaf (API). Berkemungkinan besar penglibatan Asraf disebabkan oleh gelombang perjuangan belia berjiwa intelek ketika itu adalah memfokuskan kepada persoalan emansipasi, nasionalisme dan kemerdekaan. Perkara ini sejajar dengan salah satu objektif penubuhan API iaitu *'to unite all awakened youths in one organisation'* (CO. 537/2151). Boestamam (1971) sendiri sebagai pemimpin API mengakui kesungguhan politik Asraf semasa masih menuntut di Sekolah Inggeris, Kuala Lumpur apabila kerap berkunjung ke Rumah Merdeka, Jalan Perkins untuk berdiskusi bersama-sama ahli PKMM dan API yang lain. Pada masa tersebut, Asraf yang berumur dalam lingkungan 20-an sememangnya menetap di Kuala Lumpur (di alamat 150, Jalan Pasar, Pudu) (Sel. Sec. 581/1949). Jarak kediaman beliau dengan Jalan Perkins (kini Jalan Raja Alang) hanya sekitar 5.7 kilometer. Penglibatan aktif Asraf dalam politik kiri Melayu ini terserlah sifatnya selepas pengharaman API sekitar tahun 1947 dengan pulang ke rumahnya di kampung untuk menyimpan segala bahan bacaannya di loteng rumah (CO. 537/2151).

Walaupun tidak melanjutkan pengajian ke peringkat universiti, aspirasi Asraf dalam perjuangan bahasa telah mendapat perhatian Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan melantiknya sebagai pakar runding bahasa dan menjawat jawatan sebagai pensyarah bahasa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sehingga beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Kehormat Persuratan pada 7 Ogos 1983.

Kerjaya Mohd Asraf Abdul Wahab

Selepas berhenti sekolah, Asraf telah melaporkan diri sebagai Kerani Perkhidmatan Sokongan Negeri (Jabatan Tinggi) untuk Jabatan Kerja Raya di Pekan Lama, Kuala Selangor pada 1 Mac 1949. Di jabatan tersebut, beliau telah ditugaskan di bawah Pejabat Eksekutif Jurutera kerana kemahirannya dalam bahasa Inggeris dan Melayu serta berkebolehan dalam kerja menaip. Pada ketika itu, Asraf ditawarkan kontrak secara percubaan (probation) selama enam bulan dengan gaji sebanyak \$65 sebulan (\$780 setahun) (Sel. Sec. 581/1949). Walau bagaimanapun, pada 1 November 1949,

beliau menghantar notis berhenti kerja dengan menulis surat perletakan jawatan kepada ketua bahagiannya yang berbunyi seperti berikut:

“... I have decided to go to Singapore to take up journalism. Hoping that you will approve”

(Sel. Sec. 581/1949)

Menjelang tahun 1950-an, revolusi percetakan dan penulisan semakin pesat berkembang serta berpangkalan di kota besar seperti di Singapura. Kemajuan ini didorong oleh ketidakseimbangan politik di Tanah Melayu (darurat), kesedaran intelektual dan wujudnya pelbagai penggiat bahasa dalam pelbagai bidang. Perkembangan ini membolehkan tertubuhnya Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) yang bersifat kemasyarakatan dan menggunakan bahan sastera sastera sebagai wadah menuntut kemerdekaan dan memperjuangkan masyarakat terjajah daripada kolonial. Matlamat tersebut telah menarik minat Asraf untuk menyertai ASAS 50 pada 30 November 1950 dan kemudiannya dilantik dalam Jawatankuasa ASAS 50 sesi pertama – 1950/1951 yang dikemudi oleh Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) (Ahmad, 1999) (Rajah 6).



Rajah 6. Asraf bergambar kenang-kenangan bersama rakan sekerjanya di hadapan sebuah van syarikat Utusan Melayu Press di premis No. 185, Jalan Cecil, Singapura.

Melalui penyertaannya dalam Angkatan Sasterawan 50, Asraf telah menyertai penulis-penulis lain untuk berkhidmat di syarikat percetakan Melayu iaitu Utusan Melayu Press (UMP) sebagai wartawan, pemberita, sub-editor dan editor. Dedikasinya kepada promosi dan skil profesional yang ditunjukkan oleh Asraf dalam kariernya di UMP membolehkan beliau dipilih sebagai ahli jawatankuasa awal dalam Kesatuan Pekerja-pekerja Percetakan Singapura dan kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden pada tahun 1951 (IDM, 1951) (Rajah 7).



Rajah 7. Asraf menjawat jawatan sebagai Ketua Editor (juga melakukan kerja-kerja editor) dan kemudian dilantik sebagai pengurus antara tahun 1957 hingga tahun 1970.

Secara umumnya, *Oxford University Press* merupakan salah satu jabatan dari Universiti Oxford (ditubuhkan pada tahun 1478) yang menerbitkan buku berbahasa Inggeris dan kemudiannya menerbitkan buku dalam bahasa Melayu di Bangunan Loke Yew, Kuala Lumpur sejak tahun 1957 (Berita Harian, 1965) Semasa berada di bawah pengurusan Asraf menyaksikan sebanyak 85 judul buku berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang telah diterbitkan antaranya daripada penulis terkenal seperti Keris Mas (Patah Tumbuh), Masuri S.N. (Warna Suasana), Usman Awang (Gelombang) serta penterjemahan buku-buku tulisan ke dalam bahasa Melayu seperti Josin de Jong (Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu), Nehru (Filsafat Nehru tentang Sejarah Dunia) (Berita Harian, 1965). Selain itu, karya terkenal lainnya yang berjaya diterbitkan adalah antologi cerita pendek oleh penulis ASAS 50 yang sebelumnya disiarkan dalam kolum Berita Harian dan kemudiannya dikompilasikan oleh Asraf menjadi buku Mekar dan Segar pada bulan Oktober 1959. Sinergi ini dilihat sebagai gapura terbaru untuk masyarakat mendapatkan rujukan serta mempromosi segmen cerita-cerita pendek. Di samping menerbitkan karya daripada penulis lain, Asraf yang fasih berbahasa Inggeris juga bertindak menterjemah dan menerbitkan karya penulis Realis Rusia iaitu Leo Tolstoy (Gendang Kosong dan Dongeng2 Lain-nya) pada tahun 1958.

Perjuangan dalam Bahasa Melayu

Sepanjang penglibatan Asraf dalam memperjuangkan bahasa Melayu menyaksikan beliau telah menyertai pergerakan '*avant-garde*' bersama-sama dengan ASAS 50, membentuk Kumpulan Budi Utama (KUBU) dan menganggotai Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Beliau juga merupakan Setiausaha Lembaga Tetap Kongres Bahasa Melayu dan rakan-rakan seangkatannya ketika itu adalah seperti Samad Ismail dan Usman Awang (Tongkat Warrant) (Rajah 8).



Rajah 8. Asraf dan isteri (bulatan merah besar) bersama-sama rakan seperjuangannya dalam arena reformis Bahasa Melayu seperti Usman Awang (bulatan merah kecil) sekitar tahun 1960-an.

ASRAF dan ASAS 50

Semasa berada dalam pergerakan ASAS 50 menyaksikan Asraf telah memperkenalkan pemahaman ‘Seni Untuk Masyarakat’ yang kemudiannya menimbulkan polemik antara sebahagian anggota ASAS 50 yang berfahaman ‘Seni Untuk Seni’. Menurut Berita Harian (1988) konsep ini membawa masyarakat berhak membaca, menilai atau mengkritik setiap bentuk tulisan sastra yang dihasilkan. Sementara itu, Daipi (1985) pula menjelaskan bahawa ASAS 50 bukan sekadar persatuan penulis, malahan juga memainkan penting dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden selepas Perang Dunia Kedua. Pembaharuan ini membolehkan konsep yang membawa kesedaran intelektual dalam kalangan masyarakat adalah seiring dengan arus pemodenan nasional. Dalam hal ini, salah satu daripada sinergi Asraf untuk memperjuangkan slogan tersebut adalah dengan mengumpulkan kumpulan 17 cerita pendek yang disiarkan pada setiap hari khamis dalam kolum Berita Harian menjadi sebuah buku bertajuk antologi Mekar dan Segar (Berita Harian, 1960a). Sebagai contoh, karya Awam Il-Serkam (Esok, Lusa, Tulat dan Berikutnya) membincangkan tentang isu-isu buruh manakala Keris Mas (Pemimpin Kecil daripada Semantan) pula mengupas isu politik setempat dan Usman Awang (Uda dan Kenangan Jauh) memakai sulaman gaya bahasa indah secara klasik (Berita Harian, 1960b; Asraf, 1959a).

Idea fonemik Asraf

Pembakuan bahasa merupakan usaha, tindakan, dan proses mengetengahkan bentuk bahasa yang benar dan yang menjadi dasar ukuran. Dalam konteks perancangan bahasa menyaksikan bahasa baku adalah bahasa yang menunjukkan norma baku dalam satu kawasan akibat perbezaan sosial dan daerah yang wujud. Perbahasan akan perkara ini telah dikemukakan oleh Asraf (1956) dalam penulisannya bertajuk ‘Bunyi bahasa Melayu dalam Ucapan’ dengan menyatakan loghat Riau-Johor sebagai bahasa tinggalan Kesultanan Melayu Melaka yang menjadi dasar kepada bahasa Melayu-Indonesia. Pada masa sama, beliau juga menyifatkan beberapa contoh loghat negeri-negeri Melayu

berubah pada akhiran perkataan seperti Melaka (e pepet: marilah menjadi 'marile'), Negeri Sembilan Darat (Fonem 'l' dan 'r' tidak disebut: Nakal menjadi 'naka'), Perak (e taling: apa menjadi 'ape'; dan fonem 'r' menjadi 'gh' atau huruf jawi ghain), Kelantan (diftong 'ai' dan 'au': Serai menjadi 'sera') dan Terengganu (sama seperti loghat Pahang Timur yang berbunyi nasal labial dan nasal alveolar menjadi nasal velar: malam jadi malang serta perkataan berakhir dengan 'T' akan menjadi glottal check iaitu dapat disebut 'dapak'. Seterusnya, Asraf (1956) turut menjelaskan berkenaan pembakuan bahasa dalam buku Mekar dan Segar dengan menyatakan seperti berikut:

"...Anggapan lama bahawa bunyi bahasa Melayu yang standard ialah logat Johor-Riau tidak sesuai lagi dengan keadaan bahasa Melayu masa ini. Persatuan Bahasa yang di-chita-chitakan akan menjadi kenyataan sa-chara otomatis apabila kelak terlaksana ejaan Melayu-Indonesia berdasarkan sistem fonemis. Sebab menurut sistem fonemis kata2 akan di-eja sebagaimana yang diucapkan (sa-chara fonemis) dan di-ucapkan sa-bagaimana yang di-ejakan"

(Berita Harian, 1962).

Kecaknaan Asraf untuk memperkasakan bahasa Melayu juga diakui bahawa tokoh tersebut pernah membimbing beliau mengenai tatacara penggunaan bahasa baku dengan betul. Di samping itu, Asraf juga dinyatakan pernah memberikan ceramah berkenaan sebutan berdasarkan sistem fonemis di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor sekitar tahun 1966. Pada masa sama, Asraf juga berusaha untuk mempertingkatkan kualiti Bahasa Melayu dengan menekankan bahawa pengetahuan Bahasa Melayu perlu dipupuk daripada peringkat sekolah rendah. Perkara ini boleh diperhatikan melalui penulisan Saleh (1991) yang memetik pernyataan Asraf seperti berikut:

"Jika tidak, taraf bahasa itu akan tinggal sebagai bahasa 'kedai kopi seperti yang berlaku pada hari ini... sekadar boleh bertutur bahasa Melayu tanpa tata bahasanya tidak akan membawa bahasa itu ke mana-mana"

(Salleh, 1991)

Asraf dan Melindo

Semasa penjajahan British di Tanah Melayu menyaksikan pegawai-pegawai atasan aliansi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) telah mewujudkan sistem ejaan sekolah yang diperkenankan oleh Panitia Wilkinson. Dalam hal ini, jawatankuasa tersebut dianggotai oleh H. Conway Belfield (pemangku Residen Perak), D.G. Campbell (pemangku Residen Selangor) dan R.J. Wilkinson (Pesuruhjaya Sekolah-sekolah Melayu pada tahun 1902 (Asraf, 1959b). Seterusnya, evolusi ejaan diteruskan dengan penerapan unsur-unsur Fajar Asia yang disadur daripada ejaan Indonesia pasca pendudukan Jepun dan dipopularkan oleh ASAS 50. Penglibatan Asraf dalam ASAS 50 memungkinkan beliau untuk berjuang mencari formula terbaik bagi sistem ejaan baharu. Pada 17 April 1959, Perjanjian Persahabatan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia telah ditandatangani dan berdasarkan Fasal 6 menyebut bahawa kedua-dua pihak boleh membincangkan berkenaan aspek penggunaan bahasa agar mempunyai keselarian. Fasal 6 dalam perjanjian tersebut menyebut seperti berikut:

“Kedua pihak agong yang berjanji, sedar akan kenyataan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia berasal sama, akan berusaha dengan chara kerjasama, bantu-membantu dan perundingan, untuk menchapai persamaan sa-luas2nya dalam pemakaian dan perkembangan-nya”

(Nordin, 1959).

Pada 11 Oktober 1959, Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu iaitu Khir Johari telah memulakan perbincangan dengan Indonesia sehingga membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Bahasa Melindo (Melayu-Indonesia). Antara tugas jawatankuasa ini adalah menyatukan ejaan, melaksanakan kerjasama dalam bidang bahasa untuk jangka panjang, mengatur pertukaran bahan tentang bahasa dan kesusasteraan dan mencari persetujuan atas soal-soal pemakaian istilah (Shou, 1960). Pada tahun 1959, Asraf (Ahli Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu) bersama-sama dengan Dr. Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Syed Nasir Ismail (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka), Aminuddin Baki (Kementerian Pelajaran) dan Kamaludin Muhammad (Keris Mas) telah dipilih oleh kerajaan Tanah Melayu untuk menjadi pakar rujuk penyeragaman bahasa bagi Tanah Melayu dan Indonesia (The Straits Times, 1959). Jawatankuasa Bahasa Melayu-Indonesia ini diketuai oleh Za'ba sebagai Pengerusi, Syed Nasir sebagai Naib Pengerusi dan Abdul Majid Othman (Pegawai kebudayaan, Kementerian Pendidikan) sebagai Setiausaha (The Straits Times, 1960). Anggota jawatankuasa daripada Indonesia pula terdiri daripada Dr. Slametmuljana (Fakultas Sastera Universiti Indonesia), E. Ketoppo (Pegawai Kementerian Pengajaran, Pendidikan dan Kebudayaan), Nur Sutan Iskandar (Anggota Dewan Perwakilan Rakyat), A.K. Madi (Pegawai Kementerian P.P.K.) dan Imrad Rashid (Kedutaan Indonesia, Kuala Lumpur) (Nordin, 1960) (Rajah 9).



Rajah 9. Asraf (dalam bulatan merah) bersama-sama beberapa tokoh Bahasa seperti Pendeta Za'ba di dalam Jawatan Kuasa Bahasa Melayu-Indonesia (Melindo).

Asraf melalui Lembaga Tetap Kongres Bahasa Melayu juga menunjukkan kerisauan akibat kelewatan pihak kerajaan dalam merangka sistem ejaan. Hipotesis beliau menyifatkan kelewatan ini akan membawa kepada kerugian disebabkan buku-buku akan dicetak dengan ejaan yang lama. Beliau juga menegaskan bahawa sistem ini akan melenyapkan sangkaan tentang terdapat perbezaan antara bahasa Melayu dan Indonesia

serta berpendapat bahasa Melayu sudah lengkap serta sesuai untuk diaplikasikan pada masyarakat atau seluruh ketatanegaraan (Rosidi, 1960). Kegusaran Asraf telah membawa kepada pertemuan dengan Menteri Pelajaran iaitu Abdul Rahman Talib bagi mendapatkan jawapan berkenaan status permasalahan ini. Daripada pertemuan tersebut membawa kepada terbentuknya resolusi yang memutuskan hanya sistem penggunaan ejaan rumi sahaja yang telah dipersetujui manakala penggunaan ejaan baharu masih lagi dibincangkan berdasarkan fasal khas yang terkandung dalam Perjanjian Persahabatan Malaya-Indonesia (Berita Harian, 1960a; 1960b).

Di samping itu, Asraf sebagai Ketua Dua bagi Kumpulan Budi Utama (KUBU) telah membawa petisyen KUBU yang menyatakan pelaksanaan ejaan baharu ini merupakan alternatif bagi menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi di Malaysia (Berita Harian, 1964). Pada tahun 1967 pula menyaksikan Asraf sebagai Pengarang Penerbitan Oxford University Press menjadi antara ketua kepada penerbit-penerbit seperti Pustaka Melayu Baru, Penerbitan Rancangan Buku-buku Franklin dan Pustaka Melayu Baru di Kuala Lumpur menggesa kerajaan supaya sistem ejaan baharu Malaysia-Indonesia diperkenalkan dengan segera. Antara faktor desakan ini adalah penggunaan sistem ejaan yang baharu lebih baik daripada yang telah wujud, mampu menjadi penanda aras permulaan sastera Indonesia, boleh menjadi pengembangan bahasa dan sastera serumpun dan berpotensi untuk membuka pasaran buku secara dua hala (Samad Ismail, 1967). Selain itu, semasa menjadi wakil kerajaan Malaysia dalam Persidangan Permodenan Bahasa-bahasa di Asia yang diadakan di Kuala Lumpur menyatakan sokongan beliau kepada penggunaan sistem ejaan baharu Rumi (Hashim, 1967).

Formula tatabahasa Asraf

Berkenaan Tatabahasa, Asraf sememangnya seorang pengkritik kepada penyalahgunaan bahasa. Dalam hal ini, beliau telah memberikan dua situasi untuk menjelaskan berkenaan permasalahan tersebut iaitu masyarakat bandar yang berpendidikan Inggeris telah mencampuradukkan bahasa dalam pertuturan manakala masyarakat luar bandar pula menggunakan bahasa pasar (Setiabudi, 1962). Makanya, beliau menyatakan kebimbangan kepada dua fenomena ‘pelanggaran hukum tatabahasa Melayu’ ini yang semakin menular menjadi bahasa persuratan, bahasa sandiwara radio, lakonan pentas dan cerita-cerita di layar perak. Perkara tersebut dinyatakan dalam kajian beliau bertajuk Ejaan Bahasa Melayu dengan Huruf Rumi yang menyenaraikan beberapa sistem tatabahasa yang masih digunakan sehingga kini antaranya seperti di dalam *Jadual 1*.

Jadual 1. Kajian Asraf berkaitan ‘Ejaan Bahasa Melayu dengan Huruf Rumi’.

Bil.	Sistem	Deskripsi
1	Penggunaan fonem Arab dan fonem Rumi Asing	Penggunaan huruf-huruf rumi yang lebih sesuai daripada huruf Arab bagi menggambarkan bunyi vokal Melayu. Sebagai contoh, perkataan ‘akibah’ dalam tulisan Jawi mempunyai huruf ‘ain’ dan ‘kof’ sedangkan tulisan Rumi tidak ada huruf selain itu, jadi lebih mudah dieja dengan huruf ‘A’ dan ‘K’ membentuk perkataan ‘Akibat’. Seterusnya, penggunaan huruf asing baharu iaitu abjad C, F, Q, V, X dan Z juga hanya perlu dipinjam dan ditambah pada tulisan Rumi. Contohnya, X-Ray. Huruf-huruf rumi tidak mencukupi untuk mengikut fonem Arab dan berat untuk dituturkan oleh lidah Melayu, boleh dimelayukan dengan fonem Melayu yang hampir sama dengan fonem Arab. Sebagai contoh, ‘kaf’ dan ‘kof’ boleh dieja dengan huruf ‘K’ manakala huruf ‘ta’ dan ‘to’ boleh merujuk huruf ‘T’.
2	Fonem-fonem Arab dijadikan huruf berkembar	Huruf-huruf rumi tidak mencukupi untuk mengikut fonem Arab dan berat untuk dituturkan oleh lidah Melayu, boleh dimelayukan dengan fonem Melayu yang hampir sama dengan fonem Arab. Sebagai contoh, ‘kaf’ dan ‘kof’ boleh dieja dengan huruf ‘K’ manakala huruf ‘ta’ dan ‘to’ boleh merujuk huruf ‘T’.
3	Diftong	Dua bunyi vokal terungkap jadi satu iaitu fonem ‘ai’, ‘au’ dan ‘oi’. Contohnya, perkataan ‘gulai’ tidak disebut seperti ‘gu-la-i’.
4	Glottal Check	Ejaan yang menggunakan glottal check seperti ‘ra’ayat’ boleh menggunakan huruf ‘k’ bagi ejaan ‘rakyat’, manakala ejaan ‘alam’ juga boleh dieja sebagai alam sahaja.
5	Konsonan Berganda	Ejaan yang diambil daripada fonem Arab mempunyai gandaan iaitu sabdu. Penggunaan

kata pinjaman tidak perlu menyebut huruf gandaan. Contohnya, 'Awwal' perlu dieja 'Awal'.
Selalunya perkataan 'Sa' atau 'Si' merujuk kata penyerta yang digunakan di depan nama orang dan disertakan dengan sempang. Contohnya, Si-Ali dan kita tidak perlu menulis sempang.

Rasionalnya, Asraf telah menulis kertas kerja yang memberi saranan tentang ejaan fonemik dan tentang bunyi bahasa dan saranannya telah diterima dengan baik oleh peserta kongres. Selain itu, Asraf juga lebih menumpukan perhatian terhadap pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu terutamanya bidang ilmu tatabahasa yang meliputi keempat-empat komponen; sintaksis, semantik, morfologi dan intonansi. Penglibatan Asraf yang cakna akan tatabahasa Melayu mendapat perhatian daripada Asraf (2007) yang menyatakan:

"...usahanya menghalusi aspek-aspek tatabahasa Melayu yang pada hematnya belum beres betul terus-menerus dijalankannya. Kadang-kadang orang yang tidak memahami mengapa beliau begitu asyik dan serius terhadap soal bahasa, sekalipun tentang hal-hal yang tampaknya kecil. Saya sering mengatakan bahawa apabila seseorang telah sampai ke tahap sufi (dalam hal ini sufi sufi bahasa), tidak ada hal yang dianggap kecil oleh orang itu, Saya agak Asraf telah sampai ke tahap itu..."

Kesimpulan

Asraf berakhir apabila beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 6 November 1999 dan meninggalkan legasi yang panjang dalam pensejarahan bahasa Melayu. Berdasarkan baktinya yang cukup besar dalam pengembangan dan peningkatan martabat bahasa Melayu, maka Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank Bhd telah menganugerahi beliau Anugerah Tokoh Pejuang Bahasa Sepanjang Masa, bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-20 Persatuan Linguistik Malaysia. Secara konklusinya, diharapkan penulisan ini boleh menjadi platform dan rujukan kepada agensi-agensi yang berkepentingan untuk mengangkat tokoh ini sebagai salah satu ikon daerah atau negeri. Penulisan ini juga masih mempunyai kelompongan yang boleh menjadi sumber awal bagi pengkajian akan datang yang lebih komprehensif terutama dalam bidang sejarah, penafsiran kesusasteraan atau persuratan Melayu.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Ahmad, M.A. (1999): Bagaimana 'Asas 50' mula ditubuhkan. – Berita Harian 1p.
- [2] Asraf (2007): Petunjuk tatabahasa bahasa Melayu. – Sasbadi 307p.

- [3] Asraf (Ed.) (1959a): *Mekar dan segar: Bunga rampai cerita2 pendek angkatan baru.* – Oxford University Press 157p.
- [4] Asraf. (1959b) *Ejaan bahasa Melayu dengan huruf Rumi (Kertas Kerja Bil. 20)* [Paper presentation]. – Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura 10p.
- [5] Asraf (1956): *Bunyi bahasa Melayu dalam ucapan* [Paper presentation]. – Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura 10p.
- [6] Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor (BPPTDKS) (2016): *Kajian perancangan fizikal desa negeri Selangor.* – BPPTDKS 76p.
- [7] *Berita Harian* (1988): *Perjuangkan Seni untuk Masyarakat.* – *Berita Harian* 1p.
- [8] *Berita Harian* (1965): *Halaman 8 Iklan Ruangan 3.* – *Berita Harian* 1p.
- [9] *Berita Harian* (1964): *KUBU desak: Laksanakan segera ejaan Malindo.* – *Berita Harian* 1p.
- [10] *Berita Harian* (1962): *Perlu menjaga tata bahasa, kata Asraf.* – *Berita Harian* 1p.
- [11] *Berita Harian* (1960a): *J-Kuasa Bahasa Melindo Di-Rasmikan.* – *Berita Harian* 1p.
- [12] *Berita Harian* (1960b): *Penyelesaian Soal Ejaan Yang Pokok.* – *Berita Harian* 1p.
- [13] Boestamam, A. (1971): *Dasar PKMM yg progresif ujudkan faham baik sangka, saling mengerti di-antara kaum2.* – *Berita Harian* 1p.
- [14] Daipi, M.N. (1985): *Mengesan peranan Asas '50.* – *Berita Harian* 1p.
- [15] Hashim, S. (1967): *14 'ahli' sokong ejaan baharu.* – *Berita Harian* 1p.
- [16] *Indian Daily Mail (IDM)* (1951): *Singapore union of journalists formed.* – *Indian Daily Mail* 1p.
- [17] Jeem, S. (2001): *Bekas wartawan kenang zaman getir 1950-an.* – *Berita Harian* 1p.
- [18] Nordin, M. (1960): *Ra'ayat tertunggu2 laporan sistem ejaan Melindo baharu.* – *Berita Harian* 1p.
- [19] Nordin, M. (1959): *J-kuasa baru bahasa.* – *Berita Harian* 1p.
- [20] Rosidi, A. (1960): *Memperkata "Mekar dan Segar": Perkembangan sastera Melayu.* – *Berita Harian* 1p.
- [21] Saleh, H.M. (1991): *Ajar bahasa baku di sekolah rendah.* – *Berita Harian* 1p.
- [22] Samad Ismail, A. (1967): *Yahya Ismail kurang teliti dengan fakta2.* – *Berita Harian* 1p.
- [23] Setiabudi (1962): *Soal sistem ejaan baru: "Supaya ta' sejok gulai di-tungku."* – *Berita Harian* 1p.
- [24] Shou, L.C. (1960): *Perkembangan cerita pendek di-Malaya.* – *Berita Harian* 1p.
- [25] *The Straits Times* (1985): *Journalists must work very hard to succeed.* – *The Straits Times* 1p.
- [26] *The Straits Times* (1960): *A six-man team to build Malay language.* – *The Straits Times* 1p.
- [27] *The Straits Times* (1959): *The experts to discuss language.* – *The Straits Times* 1p.